

## **Sungai Bernam dalam konflik sempadan Perak dan Selangor pada Abad Ke-19**

Ahmad Faizal Basir  
Kolej Vokasional Juasseh, Jalan Batu Kikir, Pekan Juaseh,  
72500 Juasseh, Negeri Sembilan, Malaysia

email: [ibnubasir94@gmail.com](mailto:ibnubasir94@gmail.com)

**Published:** 05 December 2024

**To cite this article (APA):** Basir, A. F. (2024). Sungai Bernam dalam konflik sempadan Perak dan Selangor pada Abad Ke-19. *Munsi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 16–26. <https://doi.org/10.37134/munsi.vol2.2.2024>

### **Abstrak**

Sehingga abad ke-19, Sungai Bernam merupakan jalan perdagangan penting dalam perkembangan ekonomi Negeri-negeri Melayu, khususnya Perak, Selangor dan Pahang. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kedudukan Sungai Bernam dalam hubungan Perak dan Selangor khususnya pada abad ke-19. Lembah Bernam kaya dengan hasil bijih timah menjadi tumpuan Negeri-negeri Melayu dan kuasa luar seperti Siam dan British. Konflik sempadan yang tercetus di antara Perak dan Selangor pada suku awal abad ke-19 menjadikan Sungai Bernam sebagai kawasan penting dalam menentukan sempadan di antara dua negeri tersebut. Kajian berhubung isu sempadan di Sungai Bernam ini dijalankan berpandukan metodologi penyelidikan sejarah. Ia menggunakan sumber primer seperti dokumen dan surat-surat rasmi dalam *Selangor Secretariat Files*, perjanjian-perjanjian rasmi antara pihak British dengan Negeri-negeri Melayu, *Riwayat Tanjong Malim* dan sumber sekunder berkaitan. Maklumat yang diperolehi daripada sumber yang dirujuk memperlihatkan pemahaman konsep sempadan Negeri-negeri Melayu tradisional yang berasaskan bidang kuasa pemerintah. Justeru Sungai Bernam sering bertukar tangan sehingga British melaksanakan percaturan politik demi kepentingan ekonominya di rantau ini. Makalah ini menggambarkan dengan mendalam tentang peranan Sungai Bernam dalam sejarah hubungan di antara negeri Perak dan Selangor pada abad ke-19. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan konflik sempadan menjadi Sungai Bernam sebagai kawasan yang penting dalam percaturan politik British dan Siam di rantau ini.

**Katakunci:** British, Sungai Bernam, Selangor, Sempadan, Perak

### **Abstract**

*Until the 19th century, the Bernam River served as a important trade route in the economic development of the Malay States, particularly Perak, Selangor, and Pahang. Therefore, this study aims to elucidate the significance of the Bernam River in the relationship between Perak and Selangor, especially during the 19th century. The Bernam Valley, rich in tin resources, became a focal point for the Malay States and external powers such as Siam and the British. Border conflicts that arose between Perak and Selangor in the early 19th century made the Bernam River a key area in determining the boundary between the two states. This*

*study employs a historical research methodology. It utilizes primary sources such as documents and official correspondence within the Selangor Secretariat Files, official treaties between the British and the Malay States, the Riwayat Tanjong Malim, and relevant secondary sources. Information derived from these sources reveals an understanding of the concept of traditional Malay State boundaries, which were based on the jurisdiction of rulers. Consequently, the Bernam River often changed hands until the British intervened to implement political arrangements for their economic interests in the region. This paper provides an in-depth depiction of the role of the Bernam River in the historical relations between Perak and Selangor in the 19th century. Overall, the study demonstrates that border conflicts elevated the importance of the Bernam River in the political maneuvers of the British and Siam in the region.*

**Keywords:** Bernam River, British, Border, Selangor, Perak

## **Pengenalan**

Kajian ini membincangkan tentang Sungai Bernam dalam hubungan Perak dan Selangor pada abad ke-19. Tumpuan utama perbincangan adalah kedudukan Sungai Bernam sebagai sempadan kedua-dua negeri tersebut. Bermula dekad awal abad ke-19, Sungai Bernam mempunyai kepentingan sejarah dalam hubungan Perak dan Selangor. Ia ekoran daripada konflik Perak-Selangor yang berkaitan dengan kedudukan Sungai Bernam sebagai sempadan yang bermula pada 1804 sehinggalah penetapan sempadan pada 1825. Masalah sempadan ini mulai kendur apabila pemerintah Perak dan Selangor akur kepada perjanjian yang dianjurkan oleh British. Kajian ini mempunyai kepentingan terhadap pemahaman konsep sempadan Negeri- negeri Melayu tradisional yang berasaskan bidang kuasa pemerintah. Ia juga membuktikan bahawa British telah mencapuri urusan pentadbiran di Selangor dan Perak lama sebelum termeterinya Perjanjian Pangkor pada 1874.

## **Latar Belakang**

### **(i) Konsep Sempadan**

Sungai memainkan peranan besar dalam masyarakat Melayu tradisional. Dengan itu, kebanyakan daripada penempatan awal terletak berhampiran dengan sungai. Setiap negeri di semenanjung kecuali Negeri Sembilan mendapat namanya daripada sungai yang merupakan tempat bermulanya sesebuah kerajaan itu didirikan. Ini kerana sebelum pembinaan jalan raya, sungai merupakan laluan perdagangan dan pusat kegiatan ekonomi utama masyarakat tradisional Melayu. Dari kawasan penempatan berhampiran sungai inilah sempadan politik kemudiannya diperluaskan kepada penempatan lain di yang lebih pedalaman.

Sempadan tradisional di Negeri-Negeri Melayu ditentukan berdasarkan kepada bidang kuasa pemerintah. Namun, sempadan atau had kekuasaan raja atau sultan juga berubah mengikut kekuatan mereka dari masa ke masa. Dalam teks *Sejarah Melayu* istilah 'negeri' dirujuk sebagai sempadan sesebuah kuasa pemerintahan. Antaranya *Sejarah Melayu* menceritakan tentang kisah Raja Suran yang telah menawan sebuah 'negeri' yang bernama Gangga Negara<sup>1</sup> Peristiwa penawanan kepada sesebuah negeri di dalam sejarah memperlihatkan bahawa persempadanan mempunyai had dan sempadan kuasa yang jelas. Ringkasnya seseorang pembesar mempunyai kawasan tertentu yang dianggap menjadi milik mereka. Seterusnya, teks *Misa Melayu* karya Raja Chulan juga menggunakan istilah 'negeri' ketika menceritakan

tentang kisah kerabat diraja Perak yang membuka kota baharu.<sup>2</sup> Penggunaan istilah 'negeri' dalam kalangan pemerintah Melayu tradisional ketika membuka sesuatu kawasan menjadi bukti penting tentang penggunaan konsep sempadan dalam kalangan masyarakat Melayu lama sebelum kedatangan British.<sup>3</sup>

Kesimpulannya, konsep sempadan sudah pun wujud sebelum kedatangan British kerana pemerintah Melayu tradisional telah menggunakan istilah 'negeri' ketika membuka sesuatu kawasan.<sup>4</sup> Namun begitu, penetapan sempadan bukanlah sesuatu yang muktamad kerana ia boleh berkurang atau bertambah mengikut kekuatan atau kelemahan seseorang pemerintah.

## **(ii) Sungai Bernam**

Menurut catatan John Anderson, Bernam merupakan sungai yang besar dan menjadi laluan kepada kapal kecil. Sungai Bernam mempunyai beberapa anak sungai, antaranya Sungai Slim dan Sungai Behrang. Sungai Slim berpunca dari Batu Gajah yang merupakan sempadan di antara Perak dan Pahang.<sup>5</sup> Sungai Slim mempunyai anak sungai, iaitu Sungai Bil. Manakala Sungai Behrang bertemu dengan Sungai Bernam di kawasan yang dikenali sebagai Changkat Lela.<sup>6</sup>

Sungai Bernam merupakan salah sebuah sungai yang penting dalam jaringan jalan perdagangan oleh orang-orang Melayu. Kapal boleh menyusuri sungai ini sejauh kira-kira 160km, dari muaranya ke suatu tempat di bahagian hulu bernama Kampung Bernam, atau sebuah kampung yang terletak di sebuah anak sungai di Kuala Galetin (di tebing Sungai Slim).<sup>7</sup> Di samping itu, Sungai Bernam juga digunakan sebagai jalan penghubung bagi kampung yang terdapat di sekitarnya.

Perjalanan di kampung sekitar sungai Bernam juga turut dilakukan melalui jalan darat. Bagi pedagang yang berniaga di Perak dan Selangor, mereka menggunakan jalan darat dan jalan air (Sungai Bernam). Misalnya, di kawasan Sungai Bernam dan Slim, terdapat jalan dari Kampung Bernam dan Kampung Galetin menuju ke sebuah kampung di sebalik Banjaran Titiwangsa di Pahang. Jalan ini melalui sebuah genting di banjaran Titiwangsa tersebut yang bernama Batu Gajah. Jarak perjalanan yang paling singkat (dengan berjalan kaki) dari kampung di negeri Perak ke kampung di negeri Pahang mengambil masa selama dua hari.<sup>8</sup> Barang dagangan yang diperniagakan di sungai Bernam adalah bijih timah, beras dan emas. Pedagang dari Pahang biasanya membawa sendiri kepingan bijih seberat 20 kilogram di belakang mereka. Namun begitu, terdapat juga pedagang yang menggunakan gajah sebagai pengangkutan.

Selain daripada perdagangan di antara pantai Timur dan Barat Semenanjung, Sungai Bernam juga digunakan sebagai penghubung untuk membawa bahan dagangan ke luar negara melalui jalan laut. Kapal yang datang dari Selat Melaka menggunakan Sungai Bernam untuk masuk ke kawasan daratan.<sup>9</sup> Sungai Bernam juga berfungsi sebagai laluan kepada masyarakat Melayu untuk mengangkut bijih timah dan membawanya keluar melalui sungai Perangan, Sungai Bil, Sungai Gumut dan Kuala Kalumpang.<sup>10</sup> Jelasnya, Sungai Bernam memainkan peranan penting dalam perdagangan di Perak, Pahang dan Selangor melalui jalan darat dan jalan air pada abad ke-19. Dengan itu, gelaran "Pintu Gerbang Selatan" disinonimkan dengan Sungai Bernam kerana peranannya sebagai laluan perdagangan utama.<sup>11</sup>

Aktiviti perdagangan ini menyebabkan kawasan sungai Bernam menjadi tumpuan penduduk. Anderson sebagai contohnya menyebutkan tentang sebuah bandar kecil pada jarak dua hari

dari kuala sungai, yang mempunyai kira-kira seribu penduduk. Beliau juga menyatakan ia terkenal dengan rotan dan juga bijih timah yang sering dieksport ke luar dari Negeri-negeri Melayu.<sup>12</sup>

Dari sudut sejarah sosio-ekonomi, Sungai Bernam menyimpan sejarah kerjasama ekonomi di antara orang Melayu dan Orang Asal. Kedua-dua kumpulan ini bergiat aktif dalam perdagangan di kawasan sungai Bernam. Ini kerana orang Melayu lazimnya mengupah Orang Asal untuk mengangkut bijih timah dan beras.<sup>13</sup> Perjalanan yang sukar menyebabkan mereka memerlukan khidmat daripada orang Asal. Sebagai contohnya perjalanan dari Genting Batu Gajah, ke arah barat daya ke lembah Sungai Slim. Kawasan ini lebih rendah dan rata dari kawasan di lembah Sungai Bernam. Namun begitu, terdapat keperluan untuk merentas titi batang kayu dan meranduk anak sungai Sungai Slim. Selain itu dalam perjalanan menuju ke arah utara, (ke bandar Sungkai), jalan semakin sukar untuk dilalui. Sehubungan itu, orang Asal mengambil upah sebagai pemandu / penunjuk arah jalan.<sup>14</sup>

Sungai Bernam adalah nadi penting dalam perdagangan di antara negeri Pahang, Perak dan Selangor. Kegiatan perdagangan ini menarik minat British kepada kawasan ini dan konflik yang berlaku di sekitarnya diberikan perhatian yang besar oleh pegawai British pada abad ke-19. Perbincangan dalam bahagian seterusnya memperincikan konflik yang terjadi di kawasan sungai Bernam pada awal abad ke-19.

### **Konflik Sempadan Perak dan Selangor**

Perak dan Selangor merupakan dua buah entiti politik Melayu yang berbeza di Semenanjung Tanah Melayu. Kedua-dua negeri ini masih kekal berdiri sebagai sebuah entiti politik tersendiri pada konteks kini. Dari sudut sejarahnya, Perak merupakan kerajaan awal dibentuk secara daulat pada 1528. Selangor pula diasaskan 238 tahun kemudiannya iaitu pada 1766. Walaupun tarikh pembentukannya berbeza, hubungan antara Selangor dengan Perak terjalin pada abad ke-18 setelah Sultan Mahmud Shah Ibni Sultan Muhammad Shah (Sultan Perak; 1765-1773) menabalkan Raja Lumu Ibni Daeng Chelak dengan gelaran Sultan Salehuddin (Sultan Selangor; 1766-1778) sebagai Sultan Selangor pertama pada November 1766.<sup>15</sup>

Namun, pada awal abad ke 19, hubungan Perak dan Selangor menjadi tegang apabila Selangor mula menyerang Perak pada 1804. Dalam kajian berhubung konflik Perak dan Selangor ini, Mohd Yusof Hashim menyatakan bahawa ketiadaan sempadan yang jelas adalah punca masalah sempadan di antara Perak dan Selangor pada awal dekad abad ke-19.<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, penulis melihat bahawa ketegangan yang berlaku di antara Perak dan Selangor ini berpunca daripada persaingan untuk meluaskan kuasa. Ini kerana sebelum abad ke 19, Sungai Bernam merupakan kawasan yang dikuasai oleh Perak,<sup>17</sup> namun telah dirampas oleh Selangor dan terus dikuasai oleh kerabat diraja Selangor yang sentiasa tinggal di situ.<sup>18</sup> Sempadan politik di antara Perak dan Selangor seringkali berubah daripada Sungai Bernam kepada Sungai Bil mahu pun ke Kuala Bidor mengikut kekuatan kuasa sultan negeri berkenaan.<sup>19</sup>

Krisis sempadan Selangor dan Perak juga dipengaruhi oleh dasar pemerintah Selangor iaitu Sultan Ibrahim (Sultan Selangor; 1778-1826) yang cuba menguasai kekayaan hasil bijih timah di Perak. Kerabat diraja Selangor sering keluar masuk wilayah Perak untuk mengutip cukai. Ini menyebabkan Perak merasa kekuasaan mereka terancam. Sementara itu, Ahmad Farhan menyatakan masalah sempadan di antara Perak dan Selangor berpunca daripada dasar luar Sultan Ibrahim yang ingin menguasai kekayaan bijih timah Perak.<sup>20</sup> Sehubungan itu,

jelaslah bahawa konflik yang terjadi berlaku disebabkan dasar Kerajaan Selangor yang ingin meluaskan kuasanya ke dalam wilayah selatan Perak.

Selain daripada ketiadaan sempadan dan kepentingan ekonomi, Khoo Khay Kim menyatakan bahawa punca masalah sempadan di antara Perak dan Selangor ialah kerana unsur kepuakan, apabila Yang Dipertuan Johor yang anti-Bugis mengaku taat setia kepada Sultan Mahmud (Sultan Perak: 1765-1773).<sup>21</sup> Pendapat ini selari dengan maklumat daripada sumber Belanda yang diketengahkan oleh Barbara Watson Andaya dalam *Perak, The Abode of Grace, A Study of an Eighteenth-Century Malay State*. Andaya menyimpulkan bahawa kawasan Bernam dijadikan tempat perlindungan oleh lanun dan pelarian Bugis.<sup>22</sup> Pelarian Bugis ketika itu cuba mendapatkan bantuan Sultan Mahmud untuk melawan Kedah tetapi gagal. Daripada peristiwa inilah Sultan Ibrahim (Sultan Selangor-1782-1826) ingin membalas dendam kerana pemerintah Perak tidak berpihak kepada Bugis. Jelasnya, semangat kepuakan yang wujud dalam pentadbiran Sultan Ibrahim menjadi salah satu daripada punca kepada pergolakan konflik politik di antara Perak dan Selangor berlaku.

Ekoran itu, sepanjang suku pertama abad ke-19, sempadan Perak dengan Selangor sering bertukar-tukar di antara sungai Bernam, sungai Bil dan sungai Bidor. Ini kerana kedua-dua negeri tersebut ingin menguasai kawasan Sungai Bernam yang penting dalam jaringan ekonomi di Semenanjung. Ini memperlihatkan bahawa konsep sempadan yang digunapakai oleh Sultan Perak dan Selangor disandarkan kepada kekuatan kuasa. Ini menjadikan sungai Bernam sering bertukar tangan dan berada dalam kekuasaan Perak dan Selangor bersilih ganti. Fenomena ini mengundang campur tangan Siam. Tindak tanduk Siam dalam konflik yang berlaku di antara Selangor dan Perak di sungai Bernam dicurigai oleh pihak British. Ini kerana British perlu menjaga kepentingannya di Negeri-negeri Melayu Utara. British semakin bimbang pada 1818 setelah Siam menggunakan Kedah untuk menyerang Perak dan membolehkan Siam menakluk kedua-dua negeri Melayu itu tanpa mengangkat senjata.<sup>23</sup> Kebimbangan British meningkat setelah Siam memperlihatkan kecenderungannya untuk campur tangan dalam urusan Negeri-negeri Melayu Utara.

Selain itu, British melihat tindakan Siam sebagai ancaman kepada kedudukannya di Pulau Pinang.<sup>24</sup> Kehilangan Pulau Pinang bermaksud British akan hilang satu-satunya pelabuhan mereka di Selat Melaka pada ketika. Dengan itu, British mengawal Perak dan Selangor melalui beberapa perjanjian yang telah dimeteri pada tahun 1818 sehingga 1826.<sup>25</sup> Ini merujuk kepada Perjanjian persahabatan dan perdagangan yang ditandatangani oleh Selangor pada Ogos 1818 dan Perak pada Julai 1818. Selain itu, ia juga merujuk kepada Perjanjian Anderson 1825, Perjanjian Selangor-Ligor 1825, Perjanjian Low 1826 dan Perjanjian Burney 1826. Semua perjanjian ini berjaya mengendurkan ketegangan di negeri Perak dan Selangor di samping menghalang kemaraan kuasa Siam. British ketika itu bimbang Negeri-negeri Melayu jatuh ke tangan Siam. Dinasti Chakri yang berkuasa ketika itu begitu bersemangat dan berhasrat untuk menguasai seluruh Negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu.

Selain itu, peranan Sungai Bernam sebagai jaringan ekonomi dan laluan perdagangan masyarakat Melayu di Perak, Selangor dan Pahang yang menjadi dorongan kepada pihak British untuk menjadikan Sungai Bernam sebagai kawasan yang bebas daripada konflik. Sepertimana yang dibincangkan di atas, Sungai Bernam menjadi laluan kepada kapal pedagang yang mengangkut hasil bumi dan dianggap sebagai kawasan yang menghubungkan dengan lokasi komersil yang lain seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Klang dan Singapura. Namun begitu, konflik di sungai Bernam tidak selesai sepenuhnya terutama dalam kalangan masyarakat yang menghuni kawasan berkenaan. Zainal Abidin bin Ahmad dalam *Riwayat*

*Tanjong Malim* menyatakan bahawa walaupun perjanjian Anderson telah ditandatangani pada 1825, namun, masalah sempadan di Sungai Bernam masih berlarutan sehingga suku akhir abad ke-19. Kekeliruan sering timbul apabila penduduk di sekitar Bernam bercanggah pendapat mengenai sungai manakah yang sepatutnya menjadi sempadan.<sup>26</sup> Swettenham dalam *From Perak to Slim and down the Slim and Bernam Rivers* turut menyatakan hal yang sama, terdapat penduduk yang masih berpendapat bahawa Sungai Bil harus diterima sebagai sempadan bukannya Sungai Bernam.<sup>27</sup> Oleh itu, walaupun pemerintah Perak dan Selangor telah menerima Sungai Bernam sebagai sempadan pada 1825, namun penduduk tempatan enggan menerimanya bahkan keliru tentang lokasi sempadan yang sebenar.

Akan tetapi, kekeliruan dan keengganan masyarakat tempatan tidak begitu diberikan perhatian oleh British. Ini kerana pertikaian di peringkat lokal tidak menggugat kepentingan mereka di rantau ini. Mengapakah British begitu yakin dan tidak mempedulikan konflik masyarakat Melayu yang mendiami kawasan sekitar sungai Bernam? Jawapan kepada persoalan ini diuraikan dalam subtopik berikut yang menumpukan kepada kesan penetapan sempadan setelah perjanjian ditandatangani oleh British dengan kerajaan Selangor, Perak dan Siam.

### **Kesan Penetapan Sempadan di Sungai Bernam**

#### **(i) Terhentinya Tuntutan Selangor ke atas Perak**

Kekalahan Sultan Ahmaddin (Sultan Perak yang memerintah pada 1786-1806) di tangan Sultan Ibrahim dalam peristiwa serangan Selangor ke atas Perak pada 1804 menjadi punca Sultan Ibrahim mendakwa bahawa kawasan milik Perak di sungai Bernam jatuh ke dalam kawasan milik Selangor. Perisytiharan ini didorong oleh keinginan Selangor untuk menjadikan negerinya sebagai pengeluar bijih timah tersohor dan terkaya mendorongnya menyerang Perak. Apatah lagi kawasan di sungai Bernam sehingga ke wilayah Bidor mempunyai hasil bijih timah yang banyak. Sultan Selangor meletakkan Raja Hasan sebagai penguasa yang mengutip cukai di kawasan tersebut. *Riwayat Tanjong Malim* mencatatkan tentang kesungguhan Sultan Ibrahim dalam perdagangan bijih timah melalui kerjasamanya dengan pihak Belanda dan British. Sikap dan tindakan Sultan Ibrahim menurut *Riwayat Tanjong Malim*<sup>28</sup>

*Adapun Sultan Ibrahim ini sangat bijak orangnya lagi pun luas pandangannya. Ia telah membuat teriti [treaty] yaani tali bertegoh-tegohan (sic) setia dengan Kompeni Belanda yang di Melaka, melainkan setelah Kompeni Belanda berdamai dengan Kompeni lenggeris pada tahun 1824 dan Kompeni Belanda tidak lagi campur tangan di atas hal ehwal Tanah Melayu dari masa itu putuslah persahabatan Selangor dengan Belanda, kemudian bercantum pula dengan Inggeris. Mengikut keterangan ini adalah Selangor lebih rapat hubungan dengan orang-orang dagang oleh itu lebih halus selidekannya (sic) daripada Perak.*

Ancaman dan serangan Selangor terhadap Perak tidak terhenti sepenuhnya setelah Perjanjian Anderson dimeterikan pada 1825.<sup>29</sup> *Riwayat Tanjong Malim* menyatakan terdapat perbalahan di antara Selangor dan Perak selepas penetapan sempadan pada 1825 kerana Selangor masih membuat tuntutan terhadap Perak;<sup>30</sup>

*Tatekala (sic) Inggeris campur tangan, baharu maseh (sic) kelam kabut jua. Disebabkan ada banyak lagi sangkut paut mereka belum selesai, tambahan pula yang Selangor masih menindas Perak jua.*

Serangan Selangor hanya terhenti sepenuhnya selepas Perjanjian Pangkor 1874. Apabila Residen Perak bersetuju berhubung dengan kuasa tertentu mengenai kutipan hasil di Bernam,<sup>31</sup> penduduk di sebelah utara Sungai Bernam mulai memberi taat setia kepada kerajaan British di Perak.

Penjajahan British di Perak menetapkan bahawa kawasan sungai Bernam diletakkan di bawah pentadbiran pejabat daerah Batang Padang yang berpusat di Tapah pada tahun 1885.<sup>32</sup> Manakala kawasan Ulu Bernam diserapkan di bawah pentadbiran daerah Hulu Selangor yang beribu pejabat di Kuala Kubu.<sup>33</sup> Ekoran itu, pejabat pemungut cukai dipindahkan dari Kuala Slim ke Ulu Bernam yang termasuk di dalam kawasan yang dimiliki oleh Perak.<sup>34</sup>

## **(ii) Pengunduran Siam daripada konflik Perak-Selangor**

Siam menghentikan campur tangannya dalam hal ehwal berkaitan Perak dan Selangor setelah menandatangani perjanjian yang dikenali sebagai *Siamese Treaty* pada 20 Jun 1826. Artikel 14 dalam perjanjian berkenaan menyekat sepenuhnya penglibatan British di Perak dan Selangor sebagaimana berikut,<sup>35</sup>

*The Siamese or English shall not send any force to go and molest, attack or disturb Perak. The English will not allow the state of Selangore (sic) to attack or disturb Perak and the Siamese shall not go and attack or disturb Selangore (sic). The arrangements stipulated in these two last articles respecting Perak and Kedah, Chao Phya of Ligor shall execute as soon as he returns home from Bangkok.*

Percaturan British berjaya mengeneipkan Siam daripada landskap politik Perak dan Selangor. Dalam masa yang sama, British memastikan supaya ia satu-satunya kuasa yang mendapat manfaat daripada perjanjian yang ditandatangani. Penetapan sungai Bernam sebagai sempadan, menyebabkan Selangor tidak lagi boleh mengganggu dan mengutip hasil di dalam wilayah Perak. Dengan itu, British memonopoli kegiatan perdagangan dan mendapat manfaat ekonomi di Selangor dan Perak.

Dalam ulasannya berkenaan kesan perjanjian yang mengeneipkan Siam di Perak dan Selangor, Kobkua menyatakan bahawa kehadiran British pada abad kesembilan belas yang memberi impak positif kepada Perak kerana berjaya mengekalkan identiti sebuah politik entiti tersendiri hingga kini.<sup>36</sup> Namun, jika dinilai secara keseluruhannya, Perak hilang kawalan ekonomi dan penetapan sempadan yang “membawa keamanan” tersebut perlu digantikan dengan kehilangan hak Perak untuk menentukan dengan bebas tentang siapakah rakan dagang atau sekutu politiknya. British mengawal keputusan kerajaan Perak di wilayah selatannya hampir 50 tahun sebelum ia menjajah negeri berkenaan.

## **(iii) Kawasan Sungai Bernam di Penghujung abad ke-19**

Salah satu kawasan yang penting di Sungai Bernam adalah Tanjong Malim. Selepas daripada termeterinya Perjanjian Pangkor 1874, Tanjong Malim diseliakan oleh British bagi memenuhi keperluan kolonial mereka di rantau ini. Pentadbir Melayu terawal yang

berkhidmat di bawah pentadbiran British di Tanjong Malim adalah Haji Mustafa atau Panglima Haji Mustafa. Menurut *Riwayat Tanjong Malim*, setelah isu sempadan selesai, Haji Mustapa dilantik menjadi penghulu di Tanjong Malim, sebelah Perak. Ekoran itu, beliau digelar sebagai Pembuka Tanjong Malim.<sup>37</sup>

Setelah dilantik menjadi penghulu Tanjong Malim, beliau membina Rumah Merah. Rumah ini merupakan binaan rumah panjang yang berbalai-balai hingga ke tepi Sungai Bernam. Rumah Merah ini merupakan simbolik kepada tanda beliau bersikap pro-British dan sedia bekerjasama dengan mereka.<sup>38</sup> Beliau turut membina kubu pertahanannya di Kampung Gumut<sup>39</sup> dan bertugas sebagai wakil pemungut cukai di bahagian Perak, Tanjong Malim. Bidang tugas beliau diperincikan di dalam *Riwayat Tanjong Malim* sebagaimana berikut,<sup>40</sup>

Maka ditetapkanlah sementara Dato' Penghulu Haji Mustafa wakil pemerintah (*sic*) dan pemungut cukai perahu- perahu dan bijeh (*sic*) di Tanjong Malim bahagian Perak.

Haji Mustapa merupakan seorang penghulu yang masyhur dengan kebijaksanaan dan kerjasama eratnyanya dengan para pegawai British di Tanjong Malim. Perkhidmatannya sebagai penghulu sangat cemerlang dan diiktiraf sebagai seorang yang sangat komited dengan tugasnya. Fail pentadbiran Negeri Perak menggambarkan kecemerlangan tugasnya *having done excellent work and collected a great deal of revenue*.<sup>41</sup> Selain itu, ketokohan Haji Mustafa turut diakui oleh *Collector Magistrate* Batang Padang. Beliau menyatakan bahawa tugasnya yang cemerlang *given me very satisfaction in the way he have performed his duty*.<sup>42</sup> Haji Mustapa turut diberikan kuasa di kawasan sungai Bernam di Selangor. Ini menjadikan beliau sebagai penguasa dan wakil British di kedua-dua belah tebing Sungai Bernam. Beliau berkuasa penuh mengeluarkan saman dan waran. Beliau juga diberikan hak untuk menurunkan tandatangannya sendiri pada saman dan waran berkenaan. Kuasa berkenaan dianggap sebagai satu keistimewaan yang diberikan oleh British kepadanya kerana tiada kebenaran sedemikian diberikan kepada pentadbir yang lain.<sup>43</sup>

Kawasan sungai Bernam yang dimiliki oleh Selangor dikenali sebagai Ulu Bernam. Pada 1886 kerajaan British di Selangor meletakkan Syed Abu Bakar sebagai pentadbir tempatan di kawasan tersebut. Syed Abu Bakar mengusahakan perlombongan bijih timah di Kalumpang dan bersahabat rapat dengan Haji Mustafa yang bekerja dalam pentadbiran British di Tanjong Malim. *Riwayat Tanjong Malim* menyatakan<sup>44</sup>

“maka ditetapkanlah... [wakil pemerintah- British] Bahagian Selangor Engku Syed Bakar sepupu Engku Syed Mansor di Ulu Selangor...”

Ringkasnya, penguasaan British di kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi di sungai Bernam berjalan lancar tanpa sebarang saingan sepanjang abad ke-19. Ia adalah hasil kelicikan mereka mengatur strategi yang memastikan Siam sebagai saingan utamanya disekat pengaruhnya di Perak dan Selangor. Seterusnya, pendekatan pentadbiran British yang membina hubungan baik dengan tokoh tempatan yang mewakili mereka untuk mengelola hal ehwal berkaitan masyarakat setempat berjaya memastikan pentadbiran mereka diterima baik dan dihormati.

## Penutup

Pada abad ke-19, sungai Bernam bukan sekadar sempadan geografi, tetapi juga ruang persaingan kuasa politik dan ekonomi yang memperlihatkan konflik politik Melayu tradisional. Sungai ini menjadi medan pertembungan antara kepentingan kerajaan Perak dan Selangor, serta pertembungan kuasa asing yang lebih besar melibatkan British dan Siam. Konflik di Sungai Bernam memperlihatkan ketidaktentuan konsep sempadan tradisional dalam Negeri-negeri Melayu, yang berasaskan kuasa pemerintah dan bukannya perjanjian yang tetap. Ini telah membawa konflik antara kerajaan Perak dan Selangor yang berpunca daripada usaha menguasai sumber ekonomi di lembah Bernam. Konflik ini juga mendedahkan bagaimana kelemahan struktur politik tradisional membuka ruang kepada campur tangan kuasa luar. British menggunakan kelemahan ini untuk memanipulasi sempadan, sekali gus memperkukuhkan dominasi ekonominya di semenanjung Tanah Melayu.

Hubungan antara pentadbir tempatan seperti Haji Mustafa dan Syed Abu Bakar dengan pihak British menampakkan kerjasama erat. Walaupun tokoh-tokoh ini memainkan peranan penting dalam pentadbiran dan perdagangan, mereka tetap berada di bawah pengaruh dan kuasa kolonial. Hubungan ini memperlihatkan bagaimana British berjaya memanfaatkan elit tempatan untuk melicinkan pentadbiran mereka, sambil mengekalkan kawalan ke atas kawasan strategik seperti Sungai Bernam. Penetapan sempadan hasil campur tangan British pada 1825 tidak menyelesaikan masalah sempadan antara Perak dan Selangor. Perjanjian pada 1825 itu bukanlah penyelesaian mutlak kepada konflik tempatan. Ini dibuktikan dengan kekeliruan dan penolakan oleh penduduk setempat terhadap sempadan di sungai Bernam. Pelibatan British telah meminggirkan kepentingan masyarakat tempatan dalam menentukan sempadan mereka sendiri.

## Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian daripada Latihan Ilmiah yang dihasilkan bagi memenuhi syarat bergraduasi. Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada editor yang memberikan teguran dan bimbingan dalam menghasilkan makalah ini.

## Bibliografi

- 2006/0056867W: *Misa Melayu* oleh Raja Chulan, 1962
- Abdullah Haji Musa Lubis. 1959. *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*. Singapura.
- Abdullah Zakaria, 2004. *Sempadan Negeri Melayu Sebelum Campur Tangan British*. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2012. *Kedah, Perak, Selangor dan Siam: Menjejak Peristiwa Utama ke Arah Termeterai Perjanjian 1826*. Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (editor), *Kedah Warisan dan Sejarah*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia d/a Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Malaya.
- Ahmat Adam. 2016. *Sulalatus Salatin Yakni Pertututan Segala Raja-Raja. Dialih Aksara dan Disunting Dengan Kritis Serta Diberi Anotasi Dan Pengenalan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Badriyah Haji Salleh. 1985. *Malay rubber smallholding and British policy a case study of the Batang Padang District in Perak (1876 - 1952)* - Thesis (Ph.D.) Columbia University New York Colombia University.
- Barbara Watson Andaya. 1979. *Perak, The Abode of Grace, A Study of an Eighteenth-Century Malay State*. Oxford University Press.
- Bradell, R. (1947). Notes on Ancient Times in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 20(1 (141)), 161–186. <http://www.jstor.org/stable/41560015>

- F. Swettenham. 1880. Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula Part I. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 6, 161 - 202
- FSS.MISC. PK 1698/85, Arkib Negara Malaysia
- FSS.US. 883/85, Arkib Negara Malaysia
- FSS.US.628/87, Arkib Negara Malaysia
- J De V Allen, A.J. Stockwell & L.R. Wright. 1981. A collection of Treaties and other documents affecting the states of Malaysia 1761-1963. London: Oceana Publications.
- J. Anderson. 1962, Political and commercial considerations relative to the Malayan peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca. Introduction J.S. Bastin *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 35 (200)
- JM Gullick. 1998. *A History of Selangor*. No.8. Kuala Lumpur: Falcon Press
- Khoo Khay Kim. 1984. Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kobkua Suwannathat -Pian. 1988. *Thai-Malay relations Traditional Intra-regional relations from the Seventeenth Century to the Early Twentieth centuries*. Singapore: Oxford University Press.
- L.A Mills. 1961. *British Malaya 1824-67*. Vol. 33, Part 3, No. 191. Kuala Lumpur: MRAS
- Mardiana Nordin, 2004. Sempadan dan Kuasa Dalam Negeri-Negeri Melayu. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia.
- Muhd Yusof Hashim, 1992. Sultan Ibrahim Ibnu Raja Lumu (Sultan Salehuddin) Dlm Sejarah Selangor Abad ke-18 dan Abad ke-19. Dlm Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya. Universiti Malaya.
- Nazirah Lee 2018. Latar Belakang Daerah Muallim pada abad ke-19. *Malaysia dari segi Sejarah*. 46, 66-78
- R. Bonney. 1971. Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence. Kuala Lumpur
- R. O. Winstedt, R. J. Wilkinson, 1934. *A History of Perak*. Vol. 12, No. 1 (118). Kuala Lumpur: JMBRAS
- Resident 108/78 27 April 1878, Arkib Negara Malaysia
- Swettenham, F. A. (1880). From Pêrak to Slim, and down the Slim and Bernam Rivers. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 5, 51-68a. <http://www.jstor.org/stable/41560645>
- Swettenham, F. A. (1885). Journal Kept During a Journey Across the Malay Peninsula. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 15, 1-37. <http://www.jstor.org/stable/41560734>
- Zainal Abidin Daud. 1950. *Riwayat Tanjong Malim*. Kuala Pilah: The Sentosa Store.

---

<sup>1</sup> Ahmat Adam. 2016. *Sulalatus Salatin Yakni Pertututran Segala Raja-Raja. Dialih Aksara Dan Disunting Dengan Kritis Serta Diberi Anotasi Dan Pengenalan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.hlm. 17

<sup>2</sup> 2006/0056867W: *Misa Melayu* oleh Raja Chulan, 1962

<sup>3</sup> Mardiana Nordin, 2004. Sempadan dan Kuasa Dalam Negeri-Negeri Melayu. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia. Hlm 3

<sup>4</sup> Abdullah Zakaria, 2004. Sempadan Negeri Melayu Sebelum Campur Tangan British. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Hlm 2; Mardiana Nordin, 2004. Sempadan dan Kuasa Dalam Negeri-Negeri Melayu, Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu. Kuala Lumpur, Arkib Negara

<sup>5</sup> Swettenham, F. A. (1880). From Pêrak to Slim, and down the Slim and Bernam Rivers. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 5, 51-68a. <http://www.jstor.org/stable/41560645>

<sup>6</sup> Ibid.62

<sup>7</sup> Swettenham, F. A. (1885). Journal Kept During a Journey Across the Malay Peninsula. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 15, 1-37. <http://www.jstor.org/stable/41560734>

<sup>8</sup> Ibid.hlm. 6

<sup>9</sup> Bradell, R. (1947). Notes on Ancient Times in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 20(1 (141)), 161-186. <http://www.jstor.org/stable/41560015>

<sup>10</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. *Riwayat Tanjong Malim*. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.18

<sup>11</sup> Bradell, R. (1947). Notes on Ancient Times in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 20(1 (141)), 161-186. <http://www.jstor.org/stable/41560015>

<sup>12</sup> J. Anderson. 1962, Political and commercial considerations relative to the Malayan peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca. Introduction J.S. Bastin *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 35 (200), hlm. 190

<sup>13</sup> Ibid.hlm. 6

<sup>14</sup> Badriyah Haji Salleh. 1985. Malay rubber smallholding and British policy a case study of the Batang Padang District in Perak (1876 - 1952)/ - Thesis (Ph.D.) Columbia University New York Colombia University. hlm. 36

- <sup>15</sup> JM Gullick. 1998. A History of Selangor. No.8. Kuala Lumpur: Falcon Press. No.8 Hlm 5
- <sup>16</sup> Muhd Yusof Hashim, 1992. Sultan Ibrahim Ibnu Raja Lumu (Sultan Salehuddin) Dlm Sejarah Selangor Abad ke-18 dan Abad ke-19. Dlm Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya. Universiti Malaya. Hlm 128
- <sup>17</sup> 2006/0056867W: *Misa Melayu* oleh Raja Chulan, 1962.hlm 22
- <sup>18</sup> Anderson, J., & Bastin, J. (1962). Facsimile Reprint of Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 35(4 (200)), 1–lxviii. <http://www.jstor.org/stable/41505519>.
- <sup>19</sup> Swettenham, F. A. (1880). FROM PÊRAK TO SLIM, AND DOWN THE SLIM AND BERNAM RIVERS. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 5, 51–68a. <http://www.jstor.org/stable/41560645>
- <sup>20</sup> Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2012. Kedah, Perak, Selangor dan Siam: Menjejak Peristiwa Utama ke Arah Termeterai Perjanjian 1826. Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (editor), Kedah Warisan dan Sejarah. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia d/a Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Malaya. Hlm 158
- <sup>21</sup> Khoo Khay Kim. 1984. Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat. Petaling Jaya: Fajar Bakti. Hlm 35
- <sup>22</sup> Barbara Watson Andaya. 1979. Perak, The Abode of Grace, A Study of an Eighteenth-Century Malay State. Oxford University Press. Hlm 335
- <sup>23</sup> R. Ronney. 1971. Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence. Kuala Lumpur Hlm.38; Abdullah Haji Musa Lubis. 1959. Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang. Singapura. Hlm 29
- <sup>24</sup> L.A Mills. 1961. British Malaya 1824-67, JMBRAS. Vol. 33, Part 3, No. 191; R. O. Winstedt, R. J. Wilkinson, 1934. A History of Perak, JMBRAS. Vol. 12, No. 1 (118)
- <sup>25</sup> Nazirah Lee.perjanjian sempadan perak sgor perak
- <sup>26</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. Riwayat Tanjong Malim. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm 59
- <sup>27</sup> Swettenham, F. A. (1880). From Pêrak to Slim, and down the Slim and Bernam Rivers. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 5, 51–68a. <http://www.jstor.org/stable/41560645>
- <sup>28</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. *Riwayat Tanjong Malim*. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.55
- <sup>29</sup> J De V Allen, A.J. Stockwell & L.R. Wright. 1981. A collection of Treaties and other documents affecting the states of Malaysia1761-1963. London: Oceana Publications. Hlm 436-438
- <sup>30</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. Riwayat Tanjong Malim. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.58
- <sup>31</sup> Resident 108/78 27 April 1878, Arkib Negara Malaysia
- <sup>32</sup> FSS.MISC. PK 1698/85, Arkib Negara Malaysia
- <sup>33</sup> F. Swettenham. 1880. Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula Part I. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 6, 161 - 202
- <sup>34</sup> FSS.US. 883/85
- <sup>35</sup> Siamese Treaty (20 Jun 1826) dlm J.de V Allen, A.J. Stockwell & L.R. Wright. 1981. A collection of Treaties and other documents affecting the states of Malaysia1761-1963. London: Oceana Publications.hlm. 318
- <sup>36</sup> Kobkua Suwannathat -Pian. 1988. *Thai-Malay relations Traditional Intra-regional relations from the Seventeenth Century to the Early Twentieth centuries*. Singapore: Oxford University Press.hlm. 35
- <sup>37</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. Riwayat Tanjong Malim. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.80
- <sup>38</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. Riwayat Tanjong Malim. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.80
- <sup>39</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. *Riwayat Tanjong Malim*. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.62
- <sup>40</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. *Riwayat Tanjong Malim*. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.72
- <sup>41</sup> FSS.US.628/87
- <sup>42</sup> FSS.US.628/87
- <sup>43</sup> FSS.US.628/87
- <sup>44</sup> Zainal Abidin Daud. 1950. *Riwayat Tanjong Malim*. Kuala Pilah: The Sentosa Store. Hlm.72